



[Home](#) > [Berita Harian](#) > [6 March 1966](#) > [Page 2](#) > [Halaman 2 Iklan Ruangan 2](#)

## Halaman 2 Iklan Ruangan 2

Berita Harian, 6 March 1966, Page 2

Article also available on Microfilm Reel NL4426

Add to Citation

Previous Article

Next Article

Previous Page

Next Page



# SAJAK

## Denyutan

*Hari hari yang tiba  
di-rasa telah tidak aman lagi, kemarau dan  
tandus tergenang dalam rindu kudus.*

*Khabar dari laut dan angin selatan  
meresah sedih dan pahit  
bertindeh duka dalam mesra.*

*Antara kosong-nya harap dan indah-nya  
hati mengambang chita di-biru laut  
dan di-hijau angkasa  
mata pun kian terang melihat  
pada segala warna dan peristiwa  
hitam  
puteh  
merah  
ungu  
bergolak  
bertindak  
merunching  
meretak  
luloh  
roboh  
dan apa saja.*

*Apa-kah maseh terus ada nyala api di-daerah kasch  
daerah kemarau tandus lapar dan dahaga?  
daerah yang akan hilang rona-nya  
tiada damai menghimbau  
segala-nya di-luar pandang  
jauh di-belai sayang.*

*Denyut jantong, denyut nadi  
anak manusia  
akan jadi lebeh terasa  
bila kawan tiada lagi menyapa.*

*Akan terus tegak sendiri  
wajah mengacha  
diri tetap ada.*

### Information



Newspaper:  
Berita Harian

Date:  
6 March 1966

Reel Number:  
NL4426

Share

### Table of Contents

< Previous | [Page 2](#) | Next >

#### GADIS YANG HILANG

GADIS YANG HILANG Aku kasehkan kau, Sabariah  
Tapi aku ta mau kaseh-ku di-beli dgn wang. Kaseh

#### Halaman 2 Iklan Ruangan 1

Hasil Karya DAUD HAMZAH Buku istimewa yong ditunggu2 dan di-chari2. Terhias dengan gambar2 dan

#### Halaman 2 Iklan Ruangan 2

SAJAK Denyutan Hari hari yang tiba di-rasa telah  
tidak aman lagi, kemarau dan tandus tergenang dalam

#### Halaman 2 Yang Lain-lain

[View Full Table of Contents](#)

# Segera

Kalau hari ini ia datang  
berdada merah  
dakap-lah sekujor hati  
kerana besok  
ia bukan lagi milek sendiri.

Besok ada-lah milek orang lain  
dan untok-mu  
sudah ada burong temangu menunggu  
hak semalam yang bersayap chita  
sudah terbang bersama senja.

Jadi hari ini  
hari baik  
jangan palingkan wajah-mu  
untok esok  
ada pantai mesti menunggu  
kapal lain  
laut lain  
benua lain  
untok di-tuju.

Ya,  
jangan berpaling  
jangan berpusing  
untok hari ini  
habiskan  
dan untok esok  
sudah merunsingkan.

**A. WAHAB ALI**  
**I'LAN KECHIL BERITA HARIAN**

KELAHIRAN — PERKAWINAN — KEMATIAN — HAL  
PERSENDIRIAN — PENGUMUMAN — FURTUNANGAN — \$6 SA-KURANG2-NYA Satu perkataan  
— PENGAKUANZ 20 perkataan 30 sen

DI-KEHENDAKI — ANEKA I'LAN — RUMAH KOSONG — UNTOK JUALAN — KERETAS UNTOK JUALAN — KERJA2 KOSONG — PELAJARAN DLL					\$2	SA-KURANG2-NYA
					5 10 15 20	SA-KURANG2-NYA
					32	SA-KURANG2-NYA
					bayaran	
					SA-KURANG2-NYA	
					Satu perkataan	
					10 sen	

Nombor Peii-surat di-kemakan bayaran seperti tiga perkataan (Peti 1234 B.H.) tambah 50 sen untuk menggunakan peti-surat itu.

Sila-silah isi I'lan itu di-bentuk teks-teks yang tersertai.

Step2 I'lan akan di-urangkan se-depat2 apabila suraya dapat terbit pada hari-hari yang di-namai, tetapi tidak-lah boleh di-jenis pasti.

..... (P.O./Chek/Tunai terlampir)

Nama.....

Alamat.....

Tanda-tangan.....

(Step2 permenas hendak-lah li-sertakan dengan pembayaran tunai-nya)

Dit-terima di-pejabat Malay Mail/  
Straits Times Kuala Lumpur dan  
di-pejabat2 Straits Times Singa-  
pura, Ipoh, Pulau Pinang, Serem-  
ban dan Alor Star.

## Related Articles

No related article found.

